

PENURUNAN NABI ISA A.S PADA AKHIR ZAMAN MENURUT ULAMA TAFSIR: SATU SOROTAN AWAL

Muhammad Fazlan bin Abd Rahman¹ & Safiah binti Abd Razak²

¹Calon Sarjana Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad

Shah & ²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad
Shah

E-mel: fazlanmuhamad@gmail.com

ABSTRAK

Penurunan Nabi Isa A.S pada akhir zaman merupakan salah satu tanda besar hari kiamat. Akidah Islam menjelaskan bahawa hari kiamat pasti terjadi. Walaupun masa terjadinya tidak disebut samada dalam al-Quran atau hadis namun Allah SWT telah mengkhabarkan tanda-tandanya melalui lisan Junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Objektif kajian adalah mengkaji pandangan ulama tafsir tentang penurunan Nabi Isa A.S pada akhir zaman. Kajian ini adalah kajian kualitatif berasaskan analisis dokumen. Data-Data kajian dikumpul daripada buku, jurnal-jurnal ilmiah dan tesis penyelidikan. Dapatan kajian merumuskan bahawa para ulama Islam sepakat mengatakan bahawa Nabi Isa A.S akan turun pada akhir zaman dan penurunan baginda Nabi Isa A.S merupakan salah satu tanda besar hari kiamat. Para ulama tafsir muktabar seperti al-Qurtubi, al-Tobari. Al-Zamakhshari, Imam Ibn Kathir dan sebagainya sepakat menyatakan bahawa Nabi Isa akan turun pada akhir zaman. Membuktikan bahawa baginda hakikatnya tidak disalib atau dibunuh oleh kaumnya. Malah kajian ini sangat penting dan relevan untuk dikaji memandangkan ia berkait dengan peristiwa akhir zaman dan perkara ini sering diperbincangkan pada masa kini. Semoga kajian ini dapat memberikan maklumat yang sahih berdasarkan al-Quran dan huraian hadis. Kajian ini juga diharapkan mendorong Muslim membuat persediaan sebaiknya dengan ibadah dan ketaatan kepada Allah SWT.

Kata Kunci: Penurunan, Nabi Isa A.S, Akhir Zaman, Ulama Tafsir

PENGENALAN

Beriman kepada para Rasul merupakan rukun iman yang ketiga. Para rasul merupakan manusia pilihan Allah dan utusan Allah yang ditugaskan untuk menyampaikan wahyu kepada manusia. Para rasul memiliki beberapa kelebihan dan keistimewaan. Antara Nabi yang mendapat kelebihan dan keistimewaan ialah Nabi Isa a.s. Menurut Solah al-Khalidi (1998), kalimah Isa Ibn Maryam disebut dalam al-Quran sebanyak 23 kali dan 11 kali disebut dengan Isa sahaja. Sebanyak 34 kali dikaitkan nama ibunya iaitu Maryam a.s. Kisah Nabi Isa a.s disebut dalam beberapa surah antaranya surah Ali-Imran, surah an-Nisa', surah al-Maidah, surah al-Saff, surah al-Hadid dan surah az-Zukhruf". Menurut Islam Nabi Isa A.S akan turun

pada akhir zaman sebagaimana yang di sabdakan oleh Rasulullah S.AW dalam hadis-hadis baginda dan penurunan Nabi Isa A.S merupakan salah satu tanda-tanda besar hari kiamat. (Syarifatu Nafsih. 2021)

Walaupun terdapat beberapa perbincangan dalam kalangan sarjana Islam berkaitan hakikat penurunan baginda pada akhir zaman. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan topik penting ini dengan menganalisis pandangan ulama tafsir berkait peristiwa penurunan Nabi Isa a.s pada akhir zaman serta mengkaji faktor perbezaan pandangan ulama-ulama tersebut. Perkembangan masa kini menyaksikan bahawa ramai ulama dan pendakwah membincangkan tentang tanda-tanda hari kiamat termasuk penurunan Nabi Isa A.S pada akhir zaman dalam ceramah dan tazkirah mereka tujuan mengingatkan manusia agar bersedia dan tidak leka dengan kehidupan dunia.. Fenomena ini menunjukkan tajuk ini sangat penting dan relevan dikaji dan dibahaskan secara ilmiah sebagai pendedahan dan menambahkan kefahaman kepada masyarakat.

Latar Belakang Nabi Isa A.S

Nabi Isa A.S berasal daripada keturunan keluarga Imran. Bonda Nabi Isa ialah Maryam binti Imran. Keluarga Imran merupakan keluarga yang istimewa sehingga salah satu surah di dalam al-Quran dinamakan surah Ali-Imran. Allah S.W.T telah memulakan penceritaan keluarga Imran dalam surah Al-Imran ayat 33:

إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٣٣﴾

Terjemahan : Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam dan Nabi Nuh dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing).

Menurut At-Tobari dan Al-Qurtubi yang dimaksudkan dengan keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga Imran adalah orang-orang beriman. Kedua pendapat ini dirujuk kepada hadis daripada Ibnu Abbas tentang firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 33 ini dengan berkata: “Mereka adalah orang-orang beriman dari pengikut Ibrahim, Imran, Yasin dan Muhammad. Imran merupakan ayah kepada Maryam dan datuk kepada Nabi Isa A.S. Menurut At-Tabari nama ayah Maryam adalah Imran bin Yasyahma bin Amun bin Minsya bin Hizqiya bin Ahriq bin Yuyama bin Azaroya bin Amisyah bin Yawisyah bin Ahrihu bin Yazim bin Yahfasyato bin Ishbarobana bin Rohba’ma bin Sulaiman bin Daud bin Isya”. Demikian diambil nasabnya dari Ibnu Ishaq.

Nabi Isa merupakan sebahagian tanda kekuasaan Allah di muka bumi. Kelahirannya sangat unik. Baginda lahir tanpa seorang ayah. Bondanya ialah Maryam binti Imran, seorang wanita mulia dan pilihan Allah SWT. Maryam merupakan bayi yang telah dinazarkan oleh ibunya Hannah untuk berbakti dan beribadah kepada Allah semata-mata. Allah telah menerima

nazar ibu Maryam dan juga akhirnya Allah telah memilih Maryam untuk mengandung Nabi Isa utusan Allah kepada manusia (Kamarul Azmi Jasmi, 2021)

Firman Allah S.W.T :

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا

Terjemahan : Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh tuhanNya dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkan untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria.

Imam At-Tobari (2000) menyatakan pada firman Allah S.W.T " فتقبلها ربها بقبول حسن " bermaksud Allah S.W.T menerima Maryam dari nazar ibunya Hannah untuk dijadikan sebagai hamba yang berkhidmat di tempat ibadah dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T dengan penerimaan yang baik. Seterusnya Imam At-Tobari menukikan pendapat Ibnu Abbas bahawa Allah S.W.T menerima Maryam dengan meletakkan Maryam pada jalan orang-orang yang berbahagia. Segolongan ulama lain pula ada yang menafsirkan bahawa Allah menerima dan memelihara Maryam dengan pendidikan yang baik.

Menurut At-Tobari lagi makna " وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا " iaitu Allah S.W.T memelihara dengan memberi makan dan rezeki yang baik sehingga Maryam membesar menjadi seorang wanita remaja yang sempurna. Al-Qurtubi pula menafsirkan bahawa Allah menyempurnakan ciptaan Maryam tanpa ada kelebihan atau kekurangan. Atas perintah Allah, malaikat menemui Maryam dan memberitahu bahawa Allah S.W.T telah memilih Maryam sebagai seorang wanita yang terpilih di sisi Allah. Firman Allah S.W.T menyebut pada surah Al-Imran ayat 42:

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَأِكَةُ يُمَرِّمُ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاكِ وَطَهَّرَكِ وَأَصْطَفَاكِ عَلَى نِسَاءِ الْعَالَمِينَ ٤٢

Maksudnya: Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam.

Menurut Imam At-Tabari pada perkataan " اصطفاك " telah memilihmu dengan maksud memilihmu untuk melakukan ketaatan kepadaNya. Dan perkataan " وطهرك " iaitu Allah S.W.T menyucikan agamamu dari keraguan dan kekotoran dari agama-agama pada perempuan-perempuan kalangan anak Adam. Dan ayat " واصطفاك على نساء العالمين " iaitu maksudnya Allah S.W.T memilihmu dari perempuan-perempuan seluruh alam pada zaman itu dengan sebab ketaatanmu kepada Allah S.W.T dan diberikan kelebihan dari perempuan-perempuan yang lain.

Berdasarkan ayat Al-Quran dan hadis di atas menyatakan bahawa Maryam merupakan perempuan yang terbaik dari sekalian perempuan-perempuan seluruh alam bermula dari Hawwa hingga perempuan terakhir pada hari kiamat nanti. Atas kekuasaan Allah S.W.T, Maryam bakal melahirkan zuriat tanpa seorang ayah yang bernama Nabi Isa A.S Ibnu Maryam sebagaimana saat agung ini diceritakan Allah dalam al-Quran.

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Imran ayat 45:

إِذْ قَالَتِ الْمَلَأِكَةُ يُمَرِّمُ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ بِكَلِمَةٍ مِنْهُ اسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ
٤٥

Maksudnya: (Ingatlah) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! bahawasanya Allah memberikan khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakan seorang anak yang engkau akan kandungkan semata-mata dengan) kalimah daripada Allah, nama anak itu Al-Masih, Nabi Isa A.S. Ibni Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat, dan ia juga dari orang-orang yang didampirkan (diberi kemuliaan di sisi Allah).

Nabi Isa diperintahkan agar menyeru Bani Israil mengesakan Allah, membimbing Bani Israil untuk mematuhi perintah-perintah Allah dan menjauhi larangannya. Baginda Nabi Isa dibekalkan dengan beberapa mukjizat antaranya mampu menyembuhkan orang buta, orang berpenyakit sopak dan menghidupkan orang yang mati dengan izin Allah SWT (Muhammad Thaib, 2017). Namun, seruan dakwah baginda ditentang kuat oleh kaum Bani Israil. Sebahagian besar Bani Israil tetap mengingkari kerasulan Nabi Isa meskipun telah dikemukakan beberapa mukjizat sebagai bukti kerasulannya. Dakwah baginda berjalan dalam tempoh tiga tahun, tiga bulan dan tiga hari (Mappasiara, 2019). Penentangan Bani Israil terhadap Nabi Isa mencapai kemuncaknya apabila kaumnya merancang konspirasi untuk menangkap dan membunuh Nabi Isa A.S. Akhirnya Allah SWT menyelamatkan utusannya. Menurut Islam, Nabi Isa A.S akan turun ke dunia semula pada akhir zaman sebelum berlakunya hari kiamat (Abdul Muhaimin & Mohd Yusuf, 2022).

Penurunan Nabi Isa A.S Pada Akhir Zaman Menurut Ulama Tafsir

Ilmu tafsir al-Quran sudah lama wujud semenjak 1400 tahun yang lalu selari dengan penurunan ayat al-Quran secara berperingkat-peringkat kepada nabi Muhammad S.A.W. Perkembangan ilmu tafsir ini sangat panjang dan sehingga kini muncul pelbagai aliran-aliran juga kitab-kitab tafsir kontemporari dengan mengikut metode tersendiri bagi memberi kefahaman kepada Imasyarakat (Wan Mohd Kahirul Firdaus et al., 2017). Ilmu itu sangat luas sehingga kalau seseorang meminta untuk dicurahkan semua ilmu nescaya umurnya tidak cukup untuk menampung keseluruhan ilmu itu (Hamka, 1984;Salma, 2009).

Kemunculan ilmu tafsir al-Quran merupakan petunjuk bagi sekalian manusia untuk menerangkan ayat-ayat al-Quran dengan cara tafsiran. Ilmu tafsir merupakan satu ilmu yang perlu ditafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut kehendak Allah dengan kadar kemampuan manusia. Sejarah Islam mencatatkan telah lahir ramai ulama-ulama tafsir yang muktabar seperti al-Tobari, Ibn Kathir, al-Zamakhshari, al-Qurtubi dan ramai lagi seiring dengan perkembangan ilmu tafsir semenjak zaman Rasulullah SAW (Zainatul & Latifah 2012).

Peristiwa akhir zaman merupakan kesinambungan perjalanan kehidupan dunia sebelum berlakunya hari kiamat. Hari kiamat pula merupakan salah satu cabang dibawah rukun Iman yang ke 5 iaitu beriman dengan Hari Akhirat (Abdul Mohaimin & Mohd Yusof, 2022). Hari Kiamat juga merupakan perkara yang benar-benar akan berlaku kerana hal ini telah disebut oleh Allah S.W.T dalam banyak tempat di dalam al-Quran sebagaimana dalam surah al-Hajj ayat 7:

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ ۙ

Terjemahan : Dan bahawa sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak padanya dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang yang di dalam kubur.

Perbincangan soal akhir zaman turut diambil berat dan dihuraikan oleh para sarjana Islam di dalam kitab-kitab tauhid, hadis dan tafsir. Dan ada juga para sarjana Islam yang mengkaji sehingga dibukukan dengan pelbagai bahasa khusus membincangkan tentang peristiwa akhir zaman (Khairul Asyraf et al., 2019). Apabila dipecahkan maksud satu persatu, perkataan peristiwa merujuk kepada sesuatu hal yang berlaku, Akhir bermaksud kemudian sekali atau penghabisan dan zaman bermaksud jangka masa samada panjang atau pendek pada masa tertentu. Definisi Akhir Zaman menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1984) ialah “penghabisan masa kehidupan manusia di dunia ini”. Maksud akhir zaman pada umat ini ialah zaman yang akan muncul padanya tanda-tanda, fitnah-fitnah yang berat dengan dekatnya penghujung usia dunia dan berlaku kiamat. (Yasir, 1434). Apabila diamati pada ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis terdapat beberapa istilah-istilah yang sering dikaitkan dengan tanda-tanda akhir zaman atau kiamat, antaranya asyrath as-Sa’ah (أشراط الساعة), al-Ayat (الآيات), al-Malahim (الملاحم), al-Amarat (الأمارات), La Takum as-Sa’ah (لا تقوم الساعة), Baina Yada’i as-Sa’ah (بين يدي الساعة) (Farhan Mustafa,et.al 2019)

Penurunan Nabi Isa A.S sebelum berlakunya hari kiamat merupakan antara tanda-tanda besar kiamat (Kamarul Azmi Jasmi, 2021). Para ulama tafsir sepakat menjelaskan bahawa terdapat empat ayat yang dapat dikaitkan dengan peristiwa penurunan Nabi Isa A.S pada akhir zaman. Berikut merupakan beberapa ayat yang dikaitkan dengan peristiwa hari kiamat dan penurunan Nabi Isa A.S.

a. Ayat pertama dalam surah Ali Imran ayat 46 :

وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ الصَّالِحِينَ ٤٦

b. Ayat kedua terdapat dalam surah al-Maidah ayat 110 :

إِذْ قَالَ اللَّهُ لِيُحْيِي أَبْنِ مَرْيَمَ أَذْكَرَ نِعْمَتِي عَلَيْكَ وَعَلَىٰ وَلَدَتِكَ إِذْ أَبَدْتِكَ بِرُوحِ الْفُضُولِ مِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ١٥٩ . تَكَلَّمَ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَإِذْ عَلَّمْتُكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَإِذْ تَخَلَّقْنَا مِنَ الطِّينِ كَهَيْئَةِ الطَّيْرِ بِإِذْنِي فَتَنْفُخُ فِيهَا فَتَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِي وَتُبْرِئُ الْأَكْمَةَ وَالْأَبْرَصَ بِإِذْنِي وَإِذْ نَخْرَجُ الْمَوْتَىٰ بِإِذْنِي وَإِذْ كَفَفْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَنْكَ إِذْ جِئْتَهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ١١٠

c. Ayat ketiga dalam surah An-Nisa’ ayat 159 :

وَإِنْ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ١٥٩

d. Ayat keempat dalam surah Az-Zhukruf ayat 61 :

وَإِنَّهُ لَعَلَّمَ لِسَاءَةَ فَلَا تَمْتَرُنَّ بِهَا وَاتَّبِعُونَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ٦١

Analisa Tafsiran Para Ahli Tafsir Tentang Ayat Penurunan Nabi Isa A.S

Terdapat perbezaan dalam kalangan para ahli tafsir tentang cara memahami teks al-Quran bagi mengaitkan ayat dengan penurunan Nabi Isa A.S pada akhir zaman. Berikut adalah beberapa pandangan tafsiran dari para Ahli Tafsir yang terpilih dari kitab-kitab tafsir mereka.

i. Analisa Tafsiran Bagi Ayat Pertama Surah Ali Imran ayat 46 Dan Ayat Kedua Surah Al-Maidah Ayat 110

Firman Allah S.W.T pada ayat pertama dan ayat kedua sebagaimana di atas, kedua-duanya menyatakan bahawa Nabi Isa A.S boleh bercakap pada dua keadaan, pertama Al-Mahdi iaitu ketika masih di dalam buaian, peristiwa itu berlaku ketika Nabi Isa A.S masih lagi bayi dan kebiasaan bayi tidak boleh berkata-kata, sebagaimana Allah S.W.T telah merakamkan kisah tersebut di dalam surah Maryam ayat 29-31:

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْمَهْدِ صَبِيًّا ٢٩ قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ ءَاتَنِي الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ٣٠ وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا
أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ٣١

Terjemahan : Maka Maryam segera menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairannya): Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?. Dia (Nabi Isa) menjawab: Sesungguhnya aku ini hamba Allah; Dia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil) dan Dia telah menjadikan daku seorang Nabi. Dan Dia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.

Kedua ketika Al-Kahlu iaitu ketika Nabi Isa sudah berumur. Al-Qurtubi (1964) menjelaskan bahawa Allah S.W.T akan menurunkan Nabi Isa A.S dari langit pada akhir zaman dalam keadaan umurnya 33 tahun dan itulah yang dimaksudkan dengan Al-Kahlu. Jadi menurut al-Qurtubi kedua-dua ayat pertama dan ayat kedua di atas menunjukkan bahawa Nabi Isa A.S akan turun dari langit sebelum berlakunya kiamat sepertimana beliau telah berkata-kata kepada Bani Israil ketika beliau masih bayi dan akan mengajak manusia kepada Islam ketika Nabi Isa turun dari langit dalam keadaan umurnya 33 tahun iaitu tafsiran bagi kalimah Al-Kahlu.

ii. Analisa Tafsiran Bagi Ayat Ketiga Surah An-Nisa' Ayat 159

Adapun ayat yang ketiga diatas, terdapat beberapa tafsiran dari Ahli Tafsir yang muktabar, antaranya:

At-Tobari (2001) menjelaskan didalam kitab tafsirnya “Jamiul Bayan Fi Takwil al-Quran al-Karim” bahawa Ahli Takwil berbeza takwilan pada ayat ketiga dalam surah An-Nisa ayat 159:

وَإِنْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا ۝ ١٥٩

Terjemahan : Dan tidak ada seorang pun dari kalangan ahli kitab melainkan dia akan beriman kepada Nabi Isa sebelum matinya dan pada hari kiamat kelak Nabi Isa akan menjadi saksi terhadap mereka.

Sebahagian Ahli Takwil menakwil dhomir pada ayat “ قبل موته ” dikembalikan kepada Nabi Isa A.S iaitu “ قبل موت عيسى ” sebelum meninggalnya Isa. Menurut mereka, Nabi Isa A.S apabila turun dari langit beliau akan membunuh Dajjal, lalu akan menjadikan semua manusia akan cenderung kepada agama yang satu iaitu agama Islam, agama Nabi Ibrahim A.S.

Namun at-Tobari (2001) menyebut bahawa berlaku perbezaan pandangan pada kedua-dua dhomir pada ayat “ ليؤمننَّ به ” dan “ قبل موته ”. Pendapat pertama berpandangan bahawa kedua-dua dhomir itu dikembalikan kepada Nabi Isa A.S iaitu “ ليؤمننَّ بعيسى قبل موت عيسى ” yang bermaksud “benar-benar mereka akan beriman dengan Nabi Isa sebelum kematian Nabi Isa”. Pendapat kedua berpandangan bahawa dhomir yang pertama kembali kepada Nabi Isa dan dhomir kedua dikembalikan kepada Ahli kitab, tafsiran seperti berikut:

" أن ما من أحد من أهل الكتاب إلا ليؤمننَّ بعيسى قبل موت الكتابي "

Terjemahan : Bahawa tidak ada seorang pun dari kalangan Ahli kitab melainkan dia akan beriman kepada Nabi Isa sebelum kematian Ahli kitab.

Pendapat ketiga pula berpandangan bahawa dhomir pertama dikembalikan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan dhomir kedua kembali kepada Ahli kitab, iaitu “ Bahawa tidak ada seorang pun dari kalangan Ahli kitab melainkan dia akan beriman kepada Nabi Muhammad sebelum kematian Ahli kitab”. Kemudian dirajihkan oleh at-Tobari bahawa pandangan pertama lebih kuat berbanding pandangan kedua dan ketiga. Pandangan pertama adalah dipegang oleh kebanyakan ahli-ahli Tafsir.

Ibnu Kathir (1999) didalam kitabnya “Tafsir al-Quran al-Azim” turut mengupaskan pandangan-pandangan ahli tafsir dengan menukilkan seperti yang terdapat dalam kitab Jamiul Bayan Fi Takwil al-Quran al-Karim. Beliau menyatakan bahawa apa yang telah disebutkan oleh Ibnu Jarir ianya adalah benar, kerana maksud daripada konteks ayat ini dapat membatalkan dakwaan dan sangkaan orang Yahudi bahawa Nabi Isa dibunuh dan disalib serta menyanggah kepercayaan orang Nasrani yang demikian kerana kejahilan mereka. Allah S.W.T mengkhabarkan kepada mereka bahawa tidaklah Nabi Isa A.S dibunuh dan disalib, akan tetapi diserupakan pada pandangan mereka bahawa orang itu adalah Nabi Isa A.S, lalu mereka membunuh orang yang diserupai itu dalam keadaan mereka tidak mengetahui secara jelas. Kemudian Allah S.W.T mengangkatnya ke langit dan Nabi Isa A.S masih lagi hidup kerana beliau akan turun pada hari kiamat nanti sebagaimana telah dijelaskan dalam hadis yang mutawatir. Di antara tugas-tugas Nabi Isa A.S setelah turun ke bumi iaitu membunuh Dajjal, mematahkan salib, membunuh khinzir dan memansuhkan jizyah yang dimaksudkan ialah tidak akan menerima sebarang bayaran jizyah dari ahli agama yang lain melainkan mereka masuk Islam atau sedia diperangi.

Maka ayat dalam surah An-Nisa' ayat 159 menjelaskan bahawa kesemua Ahli kitab akan beriman pada ketika itu dan tidak ada seorang pun yang tertinggal daripada membenarkannya. Dan ayat berikutnya:

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا

Terjemahan ayat: “ Iaitu pada hari kiamat nanti Nabi Isa A.S akan menjadi saksi terhadap perbuatan mereka yang disaksikannya sebelum diangkat ke langit dan selepas penurunan semula ke bumi.”

Justeru itu, Ibnu Kathir antara ahli tafsir yang berpegang bahawa Nabi Isa A.S akan turun pada akhir zaman berdasarkan tafsiran beliau pada surah An-Nisa ayat 159. Imam al-Baghawi (1997) di dalam kitabnya “Tafsir Al-Baghawi Ma’alimu at-Tanzil” pula menafsirkan bahawa tidak ada seorang pun dikalangan Ahli kitab melainkan akan beriman dengan Nabi Isa A.S, ini merupakan pandangan kebanyakan ahli Ilmu dan mereka berpandangan bahawa “الهَاء” pada kalimah “موته” itu merupakan kinayah ke atas Nabi Isa A.S.

Kesimpulannya, al-Baghawi menafsirkan bahawa tidak ada seorang pun dikalangan Ahli kitab melainkan akan beriman dengan Nabi Isa A.S sebelum kematian Nabi Isa A.S, dan mereka akan beriman dengan Nabi Isa A.S ketika baginda turun dari langit pada akhir zaman. Maka tidak ada seorang pun yang tinggal melainkan semuanya beriman sehingga manusia ketika itu menganut agama yang satu iaitu Islam.

Tafsiran imam al-Razi (1420) dalam kitabnya “Tafsir al-Razi Mafatih al-Ghaib aw Tafsir al-Kabir” beliau menyatakan bahawa ayat ini boleh diihtimal pada dua wajah. Wajah pertama dhamir pertama kembali kepada Isa A.S dan dhamir kedua kembali kepada ahli kitab iaitu tidak ada seorang pun dikalangan ahli kitab melainkan mereka benar-benar akan beriman dengan Isa A.S sebelum kematian mereka. Dan wajah kedua bahawa kedua-dua dhamir itu merujuk kepada Isa A.S iaitu bahawa ahli kitab akan tetap ada ketika penurunan Isa A.S lantas mereka beriman dengannya.

Tafsiran Imam al-Biq'a'iy (497) dalam kitab tafsirnya “Nazmu al-Darari fi Tanasubi al-Ayat wa al-Suwar” bahawa makna ayat ini tidak ada seorang pun dikalangan ahli kitab berselisih tentang Isa A.S melainkan mereka akan menyakini Isa A.S sebelum kewafatannya selepas penurunan dari langit bahawasanya Isa A.S tidak dibunuh, tidak salib dan mereka percaya bahawa yang dibunuh dan disalib itu orang yang dirupakan seperti Isa A.S.

Tafsiran imam As-Syaukani (1414,) dalam kitab tafsirnya “Fath al-Qadir” menyatakan tentang tafsiran ayat ini bahawa berpendapat sebahagian besar Tabiin dan selepasnya menyatakan maksud ayat ini sebelum kewafatan Isa A.S dan mereka mengaitkan bahawa ahli kitab benar-benar akan beriman dengan Isa A.S bagi golongan ahli kitab yang sempat saat penurunan Isa A.S ke bumi dan terdapat banyak hadis-hadis tentang penurunan Isa A.S (Abd Rahman Zakiy.2013).

Imam al-Qurtubi (1964) dalam kitab tafsirnya “al-Jamiul Li Ahkam al-Quran” beliau menafsirkan ahli kitab yang masih hidup benar-benar akan beriman dengan Isa A.S ketika baginda turun pada hari hampir kiamat. Al-Qurtubi menambah Demi Allah sesungguhnya Isa A.S masih hidup disisi Allah sehingga sekarang dan apabila Isa A.S turun kesemua mereka akan beriman dengannya.

Imam az-Zamakhshary (1407) dalam kitab tafsirnya “al-Khassyaf ‘An Haqaiq Ghawamidh al-Tanzil” beliau mentarjihakn pandangan bahawa dhamir pada ayat (.....لِيُؤْمِنَ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ) pertama kembali kepada Isa A.S dan dhamir kedua kembali kepada ahli kitab. Beliau menyatakan tidak ada dikalangan Yahudi dan Nasrani melainkan mereka akan beriman sebelum kewafatan Isa A.S bahawa Isa A.S hamba Allah dan utusanNya.

Kesimpulannya, berdasarkan pandangan tafsiran pada ayat Surah An-Nisa’ Ayat 159 ini terdapat 3 tafsiran. Kebanyakan ahli tafsir menyatakan bahawa ayat ini dikaitkan dengan penurunan Nabi Isa A.S pada akhir zaman kerana kedua-dua dhamir pada ayat ini ditafsirkan kembali kepada Isa A.S. Pandangan tafsir yang kedua menyatakan dhamir pertama kembali kepada Isa A.S dan dhamir kedua kembali kepada ahli kitab, tafsiran mereka ialah tidaklah meninggal seseorang ahli kitab melainkan akan beriman dengan Isa A.S sebelum kematian mereka. Tafsiran ketiga pula menafsirkan bahawa dhamir pertama kembali kepada Nabi Muhammad S.A.W dan dhamir kedua kembali kepada ahli kitab.

Berdasarkan ketiga-tiga tafsiran ini pandangan pertama merupakan tafsiran yang paling rajih kerana dikuatkan dengan hadis-hadis mutawatir dan pandangan kedua dan ketiga merupakan pandangan yang lemah.

iii. Analisa Tafsiran Bagi Ayat Keempat Surah Az-Zukhruf Ayat 61

Adapun analisa pada ayat keempat, Firman Allah S.W.T :

وَأِنَّهُ لَعَلَّمَ لِّلسَّاعَةِ فَلَا تَمْتَرُنَّ بِهَا وَاتَّبِعُونَّ هٰذَا صِرَاطٌ مُّسْتَقِيمٌ ٦١

Terjemahan: “Dan sesungguhnya Nabi Isa menjadi tanda kedatangan hari kiamat, maka janganlah kamu ragu-ragu tentang(hari kiamat itu), dan turutlah (petunjukKu); inilah jalan yang lurus.”

Imam al-Tabari (2001) menyatakan dalam kitab tafsirnya “Jamiul Bayan Fi Takwil al-Quran al-Karim” bahawa ayat ini terdapat berselisihan ahli takwil pada dhamir (الهاء) pada ayat (وإنه). Sebahagian ahli takwil menyatakan dhamir pada ayat ini ialah Isa A.S iaitu kemunculan Isa A.S merupakan tanda kedatangan hari kiamat kerana kemunculannya merupakan antara tanda-tanda kiamat, penurunannya ke bumi merupakan satu petanda kehancuran dunia dan kedatangan hari Akhirat.

Imam al-Tabari (2001) menambahkan lagi bahawa sebahagian ahli takwil menafsirkan dhamir (الهاء) pada (وإنه) kembali kepada al-Quran iaitu sesungguhnya al-Quran ini merupakan

tanda kedatangan kiamat, al-Quran akan memberitahu berlakunya kiamat dan tentang keadaannya.

Imam Ibn Kathir (1419) dalam kitab tafsirnya Tafsir al-Quran al-Azim menyatakan yang sahih bahawa dhamir pada (وانه) kembali kepada Isa A.S kerana konteks ayat itu dikaitkan dengan Isa A.S. Kemudian yang dikehendaki maksud turunya Isa A.S sebelum hari kiamat sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah an-Nisa' ayat 159:

وَإِنْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لِيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ

Terjemahan : tidak ada seorang pun dari ahli kitab kecuali mereka akan beriman kepadanya sebelum kematiannya.

Iaitu sebelum kewafatan Isa A.S. Dan seterusnya:

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا

Terjemahan : Dan hari kiamat nanti Isa A.S itu akan menjadi saksi terhadap mereka.

Makna ini disokong lagi dengan bacaan yang lain:

وَإِنَّهُ لَعَلَّمَ لِّلسَّاعَةِ

Terjemahan : Dan sesungguhnya Isa A.S itu benar-benar menjadi tanda kedatangan hari Kiamat.

Iaitu menjadi tanda atas berlakunya kiamat.

Imam Ibn Kathir (1419) menambah bahawa Imam Mujahid menyatakan ayat (وانه لعلم للساعة) iaitu tanda terjadinya kiamat itu dengan munculnya Isa A.S sebelum berlakunya hari kiamat dan ini dikuatkan lagi dengan hadis-hadis daripada Rasulullah tentang penurunan Isa A.S.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa ulama tafsir sepakat bahawa Nabi Isa A.S telah diselamatkan oleh Allah daripada musuh-musuh baginda dengan diangkat ke langit. Tafsiran ini menjelaskan bahawa Nabi Isa tidak disalib atau dibunuh oleh kaum Bani Israil. Baginda kemudiannya akan turun pada akhir zaman dan penurunan baginda merupakan salah satu tanda besar akhir zaman. Penurunan baginda adalah sebagai membuktikan kebenaran baginda sebagai utusan Allah. Ulama-ulama juga menyimpulkan bahawa hikmahnya adalah sebagai tanda kebesaran dan keagungan Allah SWT kepada alam semesta bahawa Dialah Zat yang Maha Gagah dan Maha Berkuasa Pentadbir dan Raja alam akhirat. Manusia wajib percaya dan patuh kepada Allah SWT dan bersedia untuk menghadapi hari akhirat setelah alam ini dihancurkan pada hari kiamat (Ibn Kathir, 1968).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

At-Tabari (2000). Jamiul al-Bayan Fi Ta'wil al-Quran, Jilid 6. Beirut: Penerbit Muassasah ar-Risalah.

Al-Qurtubi (1964). Al-Jami' Lil Ahkam Al-Quran, Jilid 4. Kaherah: Penerbit Al-Kutub Al-Misriah.

Al-Biqae (1995). Nazmu ad-Duror fi Tanasubi al-Ayat wa as-Suwar, Jilid 2. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-'Ilmiah.

Al-Baghawi (1997). Ma'alimu at-Tanzil fi Tafsir al-Quran, Jilid 2. Riyadh: Penerbit Dar Tayyibah.

As-Syaukani (1998). Fath Al-Qadir, Jilid 2. Beirut: Penerbit Dar Ihya' al-Thurath al-Arabi.

Az-Zamakhsyari (1983). Tafsir al-Kasyaf, Jilid 1. Beirut: Penerbit al-Kitab al-Arabi.

Ar-Razi (1999). Mafatih al-Ghaib, Jilid 11. Beirut: Penerbit Dar Ihya' al-Thurath al-Arabi.

Al-Zakiy, M. Abd Rahman (2013), Bayan Al-Quran Al-Karim - Ru'yat Manhajyyat fil Fahmi wa Tadabbur. Majallah Al-Ulum Wal Buhuth Islamiyyah, 14 (2), 1-20.

Abdul Malik Abdulkarim Amrullah. (1984), Tafsir Al-Azhar, Jilid 1. Indonesia: Penerbit Yayasan Nurul Islam.

Abu Zakaria Mahyuddin Yahya bin Sharaf An-Nawawi (t.t), Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab, Jilid 8/438: Dar Fikr

Al-Khatib Al-Syarbini (2006). Mughni Al-Muhtaj, Jilid 6. Kaherah: Penerbit Dar Al-Hadis. Al-Sohib Ismail bin Abbad 1994. Al-Muhit Fi Al-Lughah, Jilid 8. Beirut: Alam al-Kutub.

Asy-Syahrastani, Al-Milal Wa Al-Nihal. Aliran-Aliran Teologi Dalam Sejarah Umat Manusia, Alih bahasa: Asywadie Syukur (Surabaya:PT Bina Ilmu, Edisi Lengkap)

Abdul Muhaimin Mohd Rapingi & Mohd Yusuf Ismail (2022). Tanda-Tanda Besar Kiamat: Analisis Metode Dan Kronologi. Journal Of Hadith Studies, Vol.7 (1), 144-159.

Farhan Mustapha (2019). Variasi Perkataan Hari Kiamat dalam Al-Quran: Satu Tinjauan Umum. International Journal of Humanities Philosophy Language, Vol.2 (5)

Ibn Kathir (1968). Qisasul Al-Anbiya'. Kaherah : Penerbit Dar al-Ta'lif.

Kamarul Azmi Jasmi (2021). Penurunan Isa AS Pada Hari Kiamat Membawa Keadilan Islam: Surah Ali 'Imran (55-58). Program Budaya al-Quran Mingguan Siri 64, 1-26.

Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Wan Muhammad Wan Sulong (2020). Pola Kajian Hari Kiamat: Sorotan 30 Tahun Literatur Secara Sistematis (1988-2018). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol.7 (1), 85-101.

Muhammad Thaib (2017). Hakikat Nabi Isa Dalam Perspektif Al-Quran. *Al-Mu'ashirah*, Vol. 4 (1), 78-87.

Muhammad Husain Ad-Zhahabi (2000). *At-Tafsir wal Mufasssirun*, Jilid 1. Kaherah Penerbit Maktabah Wahbah

Muhammad bin Ismail Al-Bukhari 1422H, *Sohih Al-Bukhari*, Jilid 8/30. Beirut: Dar Thuq an-Najah.

Nur Zainatul Nadra & Latifah Abdul Majid (2012). Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah S.A.W, Sahabat Dan Tabi'in. *Journal Of Techno-Social*, Vol. 4 (2), 43-54.

Syarifatun Nafsih (2021). Kontroversi Kewafatan dan Kedatangan Nabi Isa As Pada Akhir Zaman (Perspektif Teologis). *El-Afkar*, Vol. 10 (2), 211-242

Salma, M. A. (2009). Sejarah Tafsir dan Perkembangannya. *Islamhous Vol.5 Juni 2015*, 205–209.

Teuku Iskandar. (1984). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Abdul Hanis Embong (2017). *Sejarah Tafsir Al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari*. Terengganu Penerbit: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Yaasir bin Abdul Rahman al-Ahmadi 1434H. *Malahim Akhir Az-Zaman 'inda al-Muslimin wa Ahlu Al-Kitab wa Atharuha al-Fikriah*. Riyadh: Penerbit Maktabah Majallah al-Bayan. (m/s 236-237)